

08 SEP 1996
Goh-Malaysia

GOH HAIRAN DENGAN REAKSI MALAYSIA KEPADA ISU PENYATUAN SEMULA

SINGAPURA, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong malam ini berkata beliau berasa hairan dan sedang cuba memahami mengapa kenyataan yang dibuat di republik ini tentang prospek penyatuan semula telah disalah-ertikan di Malaysia.

"Saya tidak menjangka Malaysia akan mengeluarkan reaksi yang sebegitu keras kerana tidak pernah ada sama-sekali niat pada pihak pemimpin Singapura untuk menghasut rakyat Malaysia atau untuk mempersoalkan sistem pemerintahan Malaysia," kata Goh seperti yang dilaporkan oleh media elektronik Singapura, ketika menjawab pertanyaan pemberita.

Jumaat lepas, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar pemimpin-pemimpin Singapura kerana menggunakan Malaysia untuk menakut-nakutkan rakyatnya supaya berusaha mencapai kejayaan lebih besar.

Beliau berkata ulasan oleh pemimpin-pemimpin republik itu bahawa Singapura mungkin terpaksa bercantum semula dengan Malaysia jika rakyat Singapura gagal atau menjadi lemah adalah tidak ikhlas dan berniat untuk menakut-nakutkan rakyat Singapura dan cuba memberi gambaran kononnya Malaysia tidak baik kerana tidak mengimalkan dasar meritokrasi.

Dr Mahathir, yang bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, menegaskan bahawa kenyataannya itu adalah atas sifatnya sebagai Presiden Umno dan bukan bagi pihak kerajaan.

Goh berkata apabila beliau menimbulkan isu penyatuan semula itu dalam ucapannya pada perhimpunan hari kebangsaan, ia dilakukan dengan niat baik dan tidak untuk menakut-nakutkan sesiapa.

Tidak ada sebab bagi Singapura menggunakan Malaysia untuk menakut-nakutkan rakyatnya, kata beliau dan mengulangi bahawa isu penyatuan semula tidak ada dalam agenda politik beliau.

Goh berkata Malaysia sedang berkembang dengan baik dan Singapura mempunyai rasa hormat yang sangat tinggi terhadap pencapaian Malaysia dan terhadap Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin.

Beliau berkata Singapura sedang berusaha untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam beberapa projek.

"Yang lebih penting lagi ialah kenapa kita hendak mengeruhkan perhubungan dengan Malaysia," kata beliau. -- BERNAMA

THG SK NMO